

Untuk Siaran Segera
30 Mac 2022

PEMEGANG UNIT ASB 2 DAN ASM TERIMA PENGAGIHAN PENDAPATAN BERJUMLAH RM1.39 BILION

*ASNB lancar laman web baharu dengan maklumat terkini pengagihan
pendapatan kesemua dana*

- Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2022.
- ASB 2 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM514.5 juta yang memanfaatkan 481,030 pemegang unit. Pulangan sebanyak 4.30 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan 1.85% yang dicatatkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank sebanyak 245 mata asas (bps).
- Bagi tempoh yang sama, ASM turut mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM883.5 juta, iaitu bersamaan 4.00 sen seunit kepada 567,904 pemegang unit. Pulangan sebanyak 4.00% ini juga mengatasi penanda aras yang sama sebanyak 215 bps.
- ASNB juga melancarkan laman web baharu untuk pemegang unit mendapatkan semua maklumat berkaitan pengagihan pendapatan kesemua 16 dana ASNB. Laman web ini boleh diakses di <https://www.asnb.com.my/IncomeDistribution.php> mulai hari ini.

Kuala Lumpur, 30 Mac 2022: Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.39 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2022 untuk dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM).

ASB 2 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM514.5 juta, bersamaan 4.30 sen seunit kepada 481,030 pemegang unit yang kini memiliki 11.96 bilion unit, dan ASM mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM883.5 juta, iaitu

bersamaan 4.00 sen seunit kepada 567,904 pemegang unit dengan pegangan 22.09 bilion unit. Sehingga 22 Mac 2022, ASB 2 merekodkan pendapatan bersih yang direalisasikan sebanyak RM563.93 juta, manakala ASM mencatatkan RM1.03 bilion.

Pengagihan pendapatan ASB 2 dan ASM adalah bersamaan dengan jumlah pulangan masing-masing sebanyak 4.30% dan 4.00%, yang mana kedua-duanya mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12-Bulan Maybank pada 1.85% sebanyak 245 mata asas untuk ASB 2 dan 215 mata asas untuk ASM.

Pendapatan bagi kedua-dua dana ini diperolehi daripada keuntungan yang direalisasikan, dividen serta pendapatan lain daripada pelaburan domestik dan antarabangsa, yang secara umumnya didorong oleh pembukaan semula ekonomi di kebanyakan negara seiring kita menuju ke fasa endemik. Kedua-dua dana ini juga meraih keuntungan menerusi strategi kepelbagaian portfolio dengan peningkatan peruntukan dalam pelaburan antarabangsa kepada 18.7% untuk ASB 2 berbanding 15.7% pada tahun lalu, dan 20.5% bagi ASM berbanding 19.8% pada tahun 2021. PNB sentiasa berpegang teguh kepada mandat untuk memberi pulangan yang mampan kepada pemegang unit dan akan terus membina portfolio berdaya tahan yang mampu mengharungi ketidakpastian ekonomi dan pasaran.

Pengiraan Pengagihan Pendapatan dan Penangguhan Urus Niaga Dana

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASB 2 dan ASM adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi setiap dana. Pengagihan yang diisytiharkan oleh dana-dana ini akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 April 2022.

Urus niaga di semua cawangan dan ejen ASNB bagi kedua-dua dana tersebut telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 23 hingga 31 Mac 2022 bagi memudahkan proses pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka di portal myASNB di www.myasnb.com.my atau melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 April 2022.

Pengenalan Laman Web Baharu dengan Maklumat Terkini Pengagihan Pendapatan

Dalam usaha meningkatkan pengalaman pemegang unit, ASNB juga telah memperkenalkan laman web baharu untuk orang ramai mendapatkan maklumat penting mengenai pengagihan pendapatan bagi kesemua 16 dananya. Maklumat seperti kadar pengagihan pendapatan dan tarikh pembayaran untuk tahun-tahun kewangan kebelakangan ini kini tersedia di <https://www.asnb.com.my/IncomeDistribution.php>. Kemudahan baharu ini akan memudahkan pemegang unit untuk memantau dan menguruskan pelaburan ASNB mereka dengan lebih baik.

.-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 16 tabung unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 270 bilion dan melebihi 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2)

ASB 2 adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 2 April 2014. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur Bumiputera yang memahami pulangan dan risiko pelaburan, serta mencari dana dengan potensi pulangan tahunan.

Amanah Saham Malaysia (ASM)

ASM adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2000. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur yang memahami pulangan dan risiko pelaburan serta mengharapkan manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang dana hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) dan penerimaan pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2022

DANA HARGA TETAP



ASB 2

KADAR PENGAGIHAN

4.30
sen seunit

JUMLAH PENGAGIHAN

RM 514.5
JUTA


Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2022

DANA HARGA TETAP

Mengatasi Penanda Aras
Sebanyak 245 mata asas



Nota:

¹ Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank setakat 22 Mac 2022

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2022

DANA HARGA TETAP



KADAR PENGAGIHAN

4.00
sen seunit

JUMLAH PENGAGIHAN

RM 883.5
JUTA


Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2022

DANA HARGA TETAP

Mengatasi Penanda Aras
Sebanyak 215 mata asas



Nota:

¹ Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank setakat 22 Mac 2022

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.